

01/07/2001

Ahli Umno perlu tingkat kekuatan

SHAH ALAM: Orang Melayu, khususnya ahli Umno perlu meningkatkan kekuatan dan mengukuhkan perpaduan bagi menghadapi serangan pihak tertentu yang berusaha menghancurkan keutuhan parti.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Umno sedang berhadapan golongan yang memusuhi secara tidak `gentlemen', suka menikam dari belakang, suka memfitnah, meminta bantuan asing serta memperkecilkan sumbangan dan jasa Umno.

Beliau berkata, golongan itu suka memperbesarkan kesilapan kecil dan sentiasa mengaitkan segala tindakan kerajaan dengan perkara haram, sebaliknya menghalalkan segala pelakuan mereka atas nama Islam.

"Saya percaya hanya kekuatan Umno dan perpaduan Melayu yang jitu saja dapat menghadapi mereka.

"Setiap lapisan ahli Umno dan orang Melayu perlu sama-sama membina perpaduan Melayu yang jitu," katanya pada majlis penutup Konvensyen Umno Selangor ke 10 di Hotel Grand Blue Wave di sini, semalam.

Majlis penutup konvensyen itu dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo; isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Zahrah Kechik.

Muhammad menegaskan, orang Melayu mesti sedar bahawa Umno adalah teras pemerintahan negara kerana tiada parti lain selain Umno memiliki kekuatan dari segi falsafah, pengaruh, dasar dan rekod cemerlang serta perjuangan yang konsisten.

Beliau berkata, jika parti teras ini lemah, pemerintahan negara juga akan mudah dilemahkan dan parti komponen Barisan Nasional (BN) juga mula kurang dihormati masyarakat.

"Kita tidak mahu keadaan itu wujud di negara ini kerana kita tidak mahu mempunyai pemerintah yang tidak efektif, sering tewas kepada pelbagai desakan dan tuntutan.

"Akhirnya negara tidak dapat ditadbirkan dengan baik, sekali gus mewujudkan suasana tidak aman dan ada pihak akan mengambil kesempatan menjatuhkan kerajaan dengan cara tidak bermaruah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau optimis orang Melayu dari semasa ke semasa mampu menghadapi suasana itu dengan baik.

"Muhasabah diri ialah proses membaiki diri yang paling berkesan dan orang Melayu memiliki kekuatan itu sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini.

"Kita pernah bangkit bersatu selepas penjajah membawa Malayan Union, kita menyusun semula masyarakat dan melahirkan perpaduan yang lebih kuat selepas Tragedi 13 Mei dan kita kembali kuat serta mencapai keputusan cemerlang dalam Pilihan Raya 1990 dan 1995 selepas perpecahan Umno 1987," katanya.

(END)